

## Institut Kemahiran Teknologi Pejabat & Pengurusan

### BENKEL ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN (TNA)

18 – 21 FEBRUARI 2025 DI HATYAI, THAILAND

#### PENGENALAN

Latihan atau pembangunan modal insan adalah merupakan suatu proses untuk meningkatkan potensi warga kerja sesebuah organisasi melalui penguasaan ilmu pengetahuan, pembinaan kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas secara efektif bagi memacu pencapaian misi dan visi organisasi. Bagi memastikan aspek perancangan dan pelaksanaan latihan dilaksanakan berasaskan kepada keperluan sebenar kakitangan dan juga organisasi, proses **Analisis Keperluan Latihan (TNA)** perlu dilakukan.

**TNA** merupakan langkah asas yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum sesuatu perancangan mengenai latihan dibuat. Objektif utama **TNA** ini dilaksanakan ialah untuk mengumpul dan menganalisis keperluan sebenar latihan bagi setiap warga kerja agar ianya sesuai dengan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandang.

TNA yang menyeluruh memainkan peranan yang penting sekiranya sesebuah organisasi ingin menyelaraskan kemahiran yang ada di kalangan warga kerja yang bertanggungjawab untuk membantu organisasi memcapai matlamat yang telah ditetapkan. Jika dijalankan dengan betul, ia akan membantu organisasi untuk mengenal pasti bila masanya latihan akan mampu untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu tertentu dan bila masanya campur tangan alternatif mungkin diperlukan.

Bengkel Analisa Keperluan Latihan ini akan membantu organisasi menyediakan warga kerja yang terlibat dalam membuat analisis latihan agar mereka dapat memainkan peranan mereka dengan berkesan dalam pembangunan modal insan.

#### OBJEKTIF PROGRAM

Di akhir program ini, adalah diharapkan agar para peserta akan:

- Memahami apakah yang dimaksudkan dengan analisis keperluan latihan dan kesannya kepada pembangunan organisasi.
- Lebih bersedia untuk membuat analisis keperluan latihan dengan pendekatan yang betul dan memberikan impak yang positif kepada pembangunan modal insan di dalam organisasi.

- Berupaya untuk mengenal pasti keperluan latihan yang diperlukan di pelbagai peringkat dalam organisasi baik pada waktu ini dan untuk jangka masa panjang
- Berupaya untuk memilih dan menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan maklumat supaya keperluan latihan dapat dikenal-pasti dengan lebih berkesan.
- Berupaya untuk menggunakan cara yang lebih praktikal untuk menganalisis maklumat dan data bagi mengenal pasti keperluan dan keutamaan.
- Berupaya untuk menggunakan rangka kerja berstruktur bagi menunjukkan penyelesaian latihan yang dicadangkan.
- Mendapatkan maklum balas daripada semua pihak yang terlibat untuk mendapatkan kelulusan bagi cadangan-cadangan yang akan dikemukakan.

## **KANDUNGAN KURSUS**

### Memahami Keperluan Latihan

- Peranan latihan dalam pembangunan modal insan.
- Keperluan latihan dalam konteks pembangunan organisasi.
- Mengenal pasti keperluan latihan berdasarkan kepada prestasi semasa.

### Membuat Analisis Keperluan Latihan(TNA)

- Kenapa melakukan TNA?
- Manfaat yang ditawarkan TNA
- Cabaran dalam melakukan TNA
- Analisis jurang dan penilaian keperluan terhadap hasil yang diharapkan
- Isu-isu berkaitan latihan dan tidak berkaitan latihan

### Model Sistematis

- Pentingnya menggunakan model yang sistematik.
- Peringkat-peringkat dalam model analisis keperluan latihan.
- Mengenal pasti keperluan latihan untuk jangka panjang.

### Analisis Tugas

- Langkah-langkah yang perlu dilakukan
- Siapakah yang perlu melakukan analisis?
- Sumber data yang disyorkan untuk analisis tugas

### Analisis Pekerja

- Sumber data untuk analisis pekerja
- Tinjauan Analisis Pekerja
- Penilaian Keupayaan

### Pengumpulan Maklumat

- Langkah-langkah mengumpul maklumat
- Mengenal pasti maklumat yang diperlukan
- Mengenal pasti sumber maklumat
- Temuduga berstruktur
- Perbincangan kumpulan kecil
- Dokumen yang diperlukan
- Cabaran dalam mengumpul maklumat
- Menggunakan dan mengadaptasi kaedah pengumpulan maklumat

### Menganalisa Maklumat

- Langkah-langkah menganalisa maklumat
- Menganalisa maklumat yang dikumpulkan
- Mengaitkan analisis dengan visi korporat, strategi dan objektif organisasi.

### Mengesyorkan Penyelesaian

- Intervensi latihan yang sesuai
- Menghasilkan pelan tindakan awal
- Menentukan keutamaan
- Menentukan kos, kriteria kejayaan dan manfaat.

### Menyediakan Laporan

- Apakah yang perlu dilaporkan?
- Langkah-langkah menyediakan laporan.
- Struktur laporan berdasarkan keperluan latihan dan keutamaan
- Menyediakan pembentangan berdasarkan hasil analisis keperluan latihan.

### Cadangan Pelan Latihan

- Kelebihan menggunakan pendekatan pelan latihan
- Memilih jurulatih dalaman atau jurulatih dari luar
- Melaksanakan program latihan
- Mengukur keberkesanan program latihan

## **CARA PENGENDALIAN KURSUS**

Untuk memastikan keberkesanan program dan meningkatkan tahap pembelajaran bagi setiap peserta, program ini akan dikendalikan secara santai dengan kombinasi seperti berikut:

- **Ceramah**
- **Latihan praktikal**
- **Kajian Kes**
- **Perbincangan kumpulan**
- **Pembentangan kumpulan**

## **PENCERAMAH**

**Dr. Hamidon Abu Bakar**

[Muat turun CV Dr. Hamidon Abu Bakar](#)

## **SEBUTHARGA KURSUS**

Kursus yang diadakan di Hatyai adalah termasuk penginapan 3 malam (bilik berkongsi). Hari pertama 'check in' selepas 3.00 petang. Seminar bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang pada hari kedua dan ketiga. 'Check out' sebelum 12.00 tengahari pada hari keempat. (Sila rujuk jadual)

Yuran kursus di bawah adalah termasuk 5 kali makan/minum pada hari seminar. Sarapan pagi, kudapan 10 pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam.

Yuran kursus seorang: RM1,750.00 (Bilik Berdua – *Twin Sharing*)  
(Ringgit Malaysia: Satu Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh sahaja)

\* Diskaun kumpulan: 2 peserta atau lebih, potongan 10% (RM1,575.00/seorang)

\* Diskaun pendaftaran awal tambahan potongan 7% jika mendaftar sebelum 14hb. Januari 2025.

\* Bilik seorang tambah RM150.00.

Untuk mendapatkan sebutbarga rasmi sila [muat turun](#) borang pendaftaran dan e-mel kepada nmf444@gmail.com dan eximlink1@hotmail.com

[Link Video Hotel Friendlytel Hatyai](#)

**Untuk pertanyaan lanjut sila telefon/whatsApp: 018-3740050 (Nik Fakaruddin)**